

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH
BINTI DATUK PANGLIMA MOHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta MENTERI ALAM
SEKITAR DAN AIR menyatakan :-**

(a) apakah punca utama masalah bekalan air di Parlimen Beaufort yang menyebabkan loji-loji sedia ada tidak berfungsi dengan baik dan tidak berupaya menampung permintaan bekalan air yang sepatutnya kepada penduduk; dan

(b) apakah tindakan komitmen Kementerian untuk mengatasi masalah air yang berlarutan ini berikutan ketidakupayaan loji-loji air di Beaufort membekalkan air yang mencukupi kepada rakyat di kawasan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sepertimana yang telah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia sebelum ini, punca utama masalah bekalan air di Beaufort adalah kerana loji tidak dapat beroperasi yang disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) paras muka sauk yang lebih tinggi dari dasar sungai yang menyebabkan air tidak dapat masuk ke muka sauk semasa musim kemarau;
- (ii) kadar kekeruhan air sungai yang terlalu tinggi semasa musim hujan dan muka sauk tersumbat akibat kemasukan pasir dan lumpur;
- (iii) kekerapan kerosakan peralatan, pam dan sistem penapisan yang tidak dapat merawat air yang keruh melebihi 1,000 NTU; dan
- (iv) kadar air tidak berhasil (NRW) yang terlalu tinggi di Daerah Beaufort sehingga mencecah 60% juga menyebabkan bekalan air tidak sampai kepada pengguna.

2. Dalam hal ini, isu-isu tersebut adalah berkait rapat dengan operasi dan penyelenggaraan di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). Untuk itu pihak JANS telah merangka pelan tindakan bagi menyelesaikan isu dan masalah tersebut sepertimana berikut:

- (i) Pelan Jangka Pendek :-
 - a. Membina empangan sementara bagi meningkatkan paras air semasa musim kemarau; dan
 - b. Mengorek muka sauk secara berkala bagi membuang pasir dan lumpur.

(ii) Pelan Jangka Panjang :-

- a. Mengubahsuai muka sauk sedia bagi membolehkan ianya beroperasi sepanjang masa sama ada semasa musim banjir atau kemarau;
- b. Membina wier bagi membolehkan paras air di muka sauk dikawal terutamanya semasa musim kemarau;
- c. Mengubah suai kedudukan panel kawalan elektrik agar tidak tenggelam semasa musim banjir; dan
- d. Membina tangki pra-pemendakan bagi mengatasi masalah kekeruhan yang tinggi.

3. Pada masa yang sama, JANS diminta untuk mengaktifkan kerja-kerja kawalan dan pengesanan kebocoran secara aktif bagi mengurangkan kadar NRW yang tinggi di daerah Beaufort dan perlu dilaksanakan secara berterusan oleh pihak JANS.

4. Sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menyediakan peruntukan secara pinjaman bagi membiayai pelaksanaan kerja-kerja yang diperlukan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.